

# ANALISIS KATA PIKAT DALAM MEDIA SOSIAL: SATU KAJIAN SEMANTIK

*(An Analysis of Pick-up Lines in Social Media: A Semantic Study)*

Nurul Azyan Zunaidi  
17b0086@ubd.edu.bn

Mardina Hj Mahadi\*  
mardina.mahadi@ubd.edu.bn

Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong,  
Brunei Darussalam.

Pengarang koresponden (*corresponding author*): \*

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Nurul Azyan Zunaidi & Mardina Hj Mahadi. (2021). Analisis kata pikat dalam media sosial: Satu kajian semantik. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 129–162. [http://doi.org/10.37052/jb21\(1\)no7](http://doi.org/10.37052/jb21(1)no7)

Peroleh: Received:	30/3/2021	Semakan: Revised	27/5/2021	Terima: Accepted:	30/5/2021	Terbit dalam talian: Published online:	1/6/2021
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

## Abstrak

Kajian ini meneliti kata pikat atau *pick-up line* khususnya dalam bidang semantik dengan menggunakan pendekatan teoretikal yang dikemukakan oleh Mansoer Pateda (2001). Pendekatan tersebut terdiri daripada empat aspek makna, iaitu pengertian, nilai rasa, nada dan maksud. Berlaku pertambahan perkataan baharu yang timbul untuk istilah kata pikat ini yang digunakan dalam media sosial selaras dengan arus pemodenan bahasa. Kata pikat merupakan strategi yang digunakan oleh lelaki untuk berkomunikasi dengan perempuan yang diminatinya dengan niat untuk menjalinkan hubungan atau memulakan perkenalan. Kajian lepas banyak dilaksanakan di negara Barat, namun belum ada kajian bertulis yang dilakukan di negara Brunei setakat ini. Selain itu, terdapat juga yang salah faham mengenai kata pikat dengan ayat penyata. Bagi menentukan aspek makna (Pateda, 2001), kajian ini meneliti ciri-ciri yang terdapat dalam beberapa ayat

kata pikat yang pernah diujarkan oleh orang Brunei secara khusus yang dipilih oleh pengkaji melalui dua aplikasi media sosial, yaitu Instagram dan YouTube. Persoalan yang timbul dalam kajian ini ialah sejauh manakah pendekatan Pateda (2001), iaitu empat aspek makna dapat dilihat dalam ayat kata pikat. Ciri-ciri yang terdapat dalam ayat kata pikat juga diteliti. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat keempat-empat aspek makna tersebut berdasarkan ciri-ciri yang diperoleh untuk setiap kata pikat, dan pada masa yang sama jelas memainkan peranan dalam pemahaman makna kata pikat yang ingin disampaikan oleh penutur.

Kata kunci: Kata pikat, semantik, ciri-ciri, aspek makna, media sosial

#### ***Abstract***

*This research is a semantics study of pick-up lines, using the theoretical approach of Mansoer Pateda (2001). This theory identifies of four aspects of meaning, that is, sense, feeling, tone and intention. New terms have emerged as 'pick-up lines' in social media, in line with modernization of the language. Pick-up lines are a strategy used by men to communicate with women whom they are attracted to with the intention of getting acquainted or beginning a relationship. Past research has mostly been carried out in Western countries, and there has not been any documented research conducted in Brunei thus far. Apart from this, there is also some confusion between pick-up lines and regular statements. To determine the aspect of meaning (Pateda, 2001), this study examines the characteristics found in several pick-up lines specifically made by Bruneians, selected by the researcher from two social media applications, Instagram and YouTube. The issue that arose is the extent to which the theoretical approach of Pateda (2001) suffices, that is, whether the four aspects of meaning can be seen in these pick-up lines. The characteristics of these pick-up lines is also studied. The findings of the study show all four aspects of meaning are present, based on the characteristics determined for each pick-up line, and at the same time, they play a clear role in understanding the meaning of the pick-up line intended by the speaker.*

*Keywords: Pick-up lines, semantics, characteristics, aspects of meaning, social media*

## PENGENALAN

Media sosial merupakan teknologi yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat dengan cepat dan tidak terbatas (Kaplan, Andreas & Haenlein, 2010). Penggunaan teknologi maklumat mengalami peningkatan sejak munculnya internet diikuti dengan kewujudan media sosial yang berperanan menyebarkan maklumat secara meluas (Fitriani, 2017). Instagram atau biasa dipanggil IG telah wujud sejak Oktober 2010 oleh Kevin Systrom dan Mike Krieger dan sekarang dimiliki oleh Facebook Inc. Melalui aplikasi ini, orang ramai dapat berkongsi gambar dan video secara dalam talian.

YouTube pula merupakan aplikasi yang dicipta pada Februari 2005 oleh Chad Hurley, Steve Chen dan Jawid Karim dan sekarang bernaung di bawah Google yang memberikan pelbagai peluang kepada pengguna sama ada untuk menonton mahupun memuat naik pelbagai jenis media video. Hootsuite & We Are Social (2020) ada menyatakan Instagram dan YouTube tersenarai antara aplikasi media sosial yang paling banyak digunakan dengan lebih daripada satu bilion pengguna bulanan. Instagram meraih kira-kira 1.16 bilion pengguna untuk pengiklanan dan YouTube telah mencapai sebanyak 2 bilion pengguna aktif bulanan. Carta ini berdasarkan data umum yang diperoleh sehingga 19 Oktober 2020.

Penggunaan media sosial melibatkan banyak aktiviti penggunaan bahasa oleh penggunanya yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan dengan pelbagai tujuan. Salah satu tujuan dalam penggunaan media sosial adalah untuk berkenalan dan bersosial secara maya. Kenyataan tersebut dapat dikaitkan dengan topik utama kajian ini, iaitu tentang kata pikat yang sering diujarkan hingga kini dalam media sosial. Kata pikat dikatakan mula tersebar luas sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi yang membawa kepada peningkatan penggunaan media sosial dan janji temu secara dalam talian sejak tahun 2000-an (*Dictionary.com*, n.d.). Oleh itu, penyebaran tersebut tidak dinafikan berpotensi mempengaruhi kehidupan sosial mengikut arus pemodenan masa.

Sehubungan dengan itu, kata pikat ini sememangnya tidak asing lagi di negara Barat berdasarkan beberapa kajian lepas yang sudah dilaksanakan oleh para sarjana antaranya termasuklah Senko dan Fyffe (2010), Weber, Goodboy dan Cayanus (2010) serta Hendon (2012) sehingga kini. Rata-rata kajian yang dilaksanakan merangkumi bidang psikologi sosial. Jika diperhatikan pada masa kini, banyak sekali penggunaan kata pikat yang ditemui dalam rangkaian media sosial seperti Instagram dan YouTube.

Hal ini bukan sahaja di negara Barat tetapi juga di Asia Tenggara seperti di Malaysia, Indonesia, Singapura dan tidak ketinggalan juga di Negara Brunei Darussalam.

Secara ringkasnya, setiap kata pikat yang diungkapkan itu mempunyai maksud yang berbeza-beza dan juga bergantung pada penyampaian penutur tersendiri. Menyentuh tentang maksudnya, hal ini berkait rapat dengan semantik, iaitu kajian tentang makna yang mencakupi bidang yang sangat luas. Oleh itu, penelitian ini akan membincangkan makna kata pikat yang diujarkan oleh orang Brunei melalui Instagram dan YouTube dengan menggunakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Pateda (2001) iaitu aspek makna; pengertian (*sense*), nilai rasa (*feeling*), nada (*tone*) dan tujuan (*intention*).

## SEMANTIK ATAU MAKNA

Semantik menurut Tarigan (1985: 7) bidang ilmu yang mengkaji simbol atau tanda yang menggambarkan makna, hubungan makna antara satu sama lain dan bagaimana ia mempengaruhi manusia dan juga masyarakat. Chaer (1989:60) mengatakan bahawa semantik ialah hubungan antara kata-kata dan konsep atau makna perkataan tersebut serta objek atau perkara yang disebut oleh makna yang berada di luar bahasa. Makna kata, ungkapan atau wacana ditentukan oleh konteks yang ada.

Kridalaksana (2001: 1993) pula berpendapat semantik ialah sebahagian daripada struktur bahasa yang berkaitan dengan makna ungkapan dan struktur makna ucapan. Dalam erti kata lain, makna ialah pertuturan, pengaruh unit bahasa untuk memahami respons dan juga tingkah laku seseorang individu atau masyarakat. Selain itu, pengertian makna yang diambil daripada *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, iaitu makna meneliti perkataan yang terdapat dalam sesuatu yang ditulis; hal yang ingin disampaikan penutur atau penulis; maksud yang diujarkan kepada suatu bentuk kebahasaan (Pateda, 2001: 82).

Sementara itu, Siti Hajar (2009) pula menyatakan bahawa semantik berasal daripada perkataan Greek “semantikos” yang bermaksud memberikan tanda, suatu gejala atau sesuatu yang memberi makna. Nurhayati (2009: 3) turut berpendapat semantik merupakan sebahagian daripada linguistik yang mengkaji tentang makna bahasa sama ada dalam bentuk lisan dan tulisan yang bersistematik, rasional, empiris sebagai penghuraian struktur dan peraturan bahasa.

## KATA PIKAT

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia telah memperkenalkan perkataan bahasa Melayu “kata pikat” berserta istilahnya yang berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu *pick-up line* di bawah tajuk “Peka Bahasa – Istilah Semasa” menerusi akaun *Twitter @DBPMalaysia* pada tahun 2017. Dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, kata pikat merupakan satu cara untuk berkomunikasi yang digunakan oleh penutur untuk menarik perhatian penerima dengan menggunakan kata-kata atau ayat lucu dan romantik dan membuat janji temu.

Menurut Murray (1985), kalimat pertama yang dilontarkan oleh seorang lelaki memainkan peranan penting untuk memulakan interaksi dengan seorang wanita. Oleh itu, kalimat yang dimaksudkan tersebut atau lebih dikenali dengan nama *pick-up line* merupakan satu daya tarikan ketika berkomunikasi.

Selain itu, menurut Cunningham & Barbee (2008), kebanyakan orang menggunakan kata pikat atau yang seumpamanya untuk mengungkapkan perasaan suka kepada seseorang. Dalam hal ini, lazimnya kaum perempuan yang dijadikan sasaran utama bagi pengungkapan kata pikat oleh kaum lelaki (Senko & Fyffe, 2010).

Hendon (2012) juga mendefinisikan kata pikat sebagai satu strategi komunikasi penting yang digunakan oleh orang yang tidak dikenali sebagai usaha untuk memulakan interaksi dengan orang yang disasarkan dengan tujuan untuk memulakan sesuatu hubungan seterusnya ke alam percintaan.

## SOROTAN LITERATUR

Corwin Senko dan Viviana Fyffe telah membuat kajian yang bertajuk *An Evolutionary Perspective on Effective vs. Ineffective Pick-Up Lines*, pada tahun 2010. Kajian tersebut merangkumi bidang psikologi sosial. Kajian tersebut bertujuan untuk menyelidik tanggapan wanita tentang lelaki yang menggunakan tiga jenis kata pikat serta keberkesannya. Tiga jenis kata pikat yang digunakan adalah sama ada dengan: (1) cara yang tidak serius dan menggoda; (2) secara langsung; dan (3) secara tidak langsung tetapi pada masa yang sama menunjukkan minatnya terhadap wanita yang diujarkan kata pikat. Senko dan Fyffe (2010) memfokus pada persepsi wanita kepada lelaki yang menggunakan kata pikat kerana wanita dianggap bersikap diskriminasi (Buss & Schmitt, 1993) ketika memilih pasangan hidup dan lebih kerap menjadi penerima kata pikat.

Selain itu, daya tarikan juga dinilai berdasarkan personaliti yang ada pada setiap lelaki yang mengujarkan kata pikat. Kemudian, peserta wanita akan memilih sama ada daya tarikan tersebut sesuai untuk hubungan jangka pendek atau hubungan jangka panjang. Seterusnya, Senko dan Fyffe (2010) juga menggunakan hipotesis *good dad* untuk hubungan jangka panjang. Senko dan Fyffe (2010) juga cuba memadamkan hipotesis *good genes* untuk hubungan jangka pendek hanya jika lelaki itu lebih menarik berbanding dengan menggunakan kata pikat. Teori yang digunakan ialah teori pemilihan pasangan dalam bidang psikologi untuk mencari padanan dengan hipotesis yang digunakan dalam kajian ini.

Senko dan Fyffe (2010) turut menyatakan bahawa terdapat kajian terdahulu menunjukkan bahawa wanita kurang suka apabila lelaki menggunakan kata pikat dengan cara yang tidak serius daripada lelaki yang menggunakan kata pikat secara terus terang atau secara tidak langsung tetapi pada masa yang sama menunjukkan minatnya dalam perbualan (Cunningham, 1989; Kleinke & Dean, 1990; Kleinke *et al.*, 1986). Hasil dapatan kajian Senko dan Fyffe (2010) juga menunjukkan hal yang sama.

Senko, C. dan Fyffe, V. (2010) berpendapat bahawa mereka tidak berminat dengan lelaki yang menggunakan kata pikat yang tidak serius untuk hubungan jangka panjang. Lelaki tersebut dianggap sebagai seorang yang tidak boleh dipercayai dan kurang komited dalam sesuatu hubungan. Hal ini adalah selaras dengan hipotesis *good dad* seperti yang disebutkan sebelumnya. Kepercayaan dan komitmen memainkan peranan penting untuk hubungan jangka panjang. Dapatan kajian ini juga menunjukkan, apabila wanita diminta untuk mempertimbangkan hubungan jangka pendek, untuk konteks ini, sesuai dengan hipotesis *good genes*. Ciri-ciri yang dicari oleh wanita pada seseorang lelaki ialah daya tarikan fizikalnya, bukan dengan menggunakan kata pikat atau seumpamanya.

Selain itu, Weber, Goodboy dan Cayanus (2010) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Flirting Competence: An Experimental Study on Appropriate Study on Appropriate and Effective Opening Lines*. Kajian ini meneliti kesesuaian dan keberkesanan lima pembuka kata yang digubal oleh peserta lelaki untuk memulakan perbualan dengan wanita. Pembuka kata tersebut dinilai oleh peserta melalui video mesej yang telah dibuat. Video mesej tersebut merupakan lakonan yang berdurasi dua minit menunjukkan lelaki yang memulakan interaksi dengan menggunakan skrip yang disediakan mengandungi satu daripada lima pembuka kata kepada wanita mengikut sasaran kajian. Daripada video mesej inilah peserta menilai cara interaksi tersebut mengikut persepsi masing-masing sama ada sesuai atau

tidak mahupun berkesan atau tidak dengan menggunakan soal selidik ringkas. Seramai 642 pelajar kolej dalam kajian ini. Hasil kajian Weber, Goodboy dan Cayanus (2010) menunjukkan bahawa peserta berpendapat bahawa kedua-dua perkenalan menggunakan orang ketiga dan secara langsung adalah paling sesuai. Namun begitu, yang paling berkesan ialah perkenalan menggunakan orang ketiga. Perkenalan menggunakan orang ketiga dipanggil “kesan penajaan” atau *sponsoring effect* seperti yang dikemukakan oleh Gass dan Seiter (1999).

Pembuka kata yang berbentuk pujian secara terang-terangan, humor dan kata pikat pula dianggap tidak sesuai dan tidak berkesan. Lelaki yang menggunakan orang ketiga untuk memulakan interaksi dengan wanita tampak lebih dipercayai dan memberikan tanggapan positif dalam fikiran wanita. Jika tidak ada orang ketiga, pilihan kedua wanita ialah perkenalan secara langsung dan mengelak daripada menggunakan pembuka kata berunsur pujian secara terang-terangan, humor dan kata pikat.

Satu kajian bertajuk *Pick-Up Lines: To Use a Neg or a Flippant* ditulis oleh Adrienne Leigh Hendon pada tahun 2012. Kajian tersebut hanya merangkumi bidang komunikasi interpersonal dan psikologi sosial yang bertujuan untuk mengenal pasti tanggapan masyarakat tentang kata pikat. Dalam kajian Hendon (2012) ini, beberapa strategi seperti strategi kahwin, nilai pasangan, daya tarikan dan strategi menggoda, corak tingkah laku dan reaksi diperhatikan dan diambil kira.

Kajian menganalisis sejauh mana keberkesanan dua persepsi yang berlainan, iaitu antara *neg* atau *flippant* dalam kata pikat yang digunakan oleh kaum lelaki sebagai penutur, kepada kaum perempuan sebagai penerima. Istilah *neg* atau *negging* ini direka oleh *Pickup Artist* dikenali dengan nama Erik von Markovik seorang bintang siri *VH1 The Pickup Artist* yang mendefinisikan perkataan tersebut sebagai “satu penilaian nilai sosial negatif yang ditelegrafkan” kerana istilah ini sering disalah faham dengan penghinaan (Lindsay, 2018). Dengan kata lain, *neg* merupakan tindakan manipulasi emosi dengan membuat pujian yang berunsur negatif dan dapat menghilangkan keyakinan penerima sehingga meningkatkan keperluan penerima untuk mendapatkan persetujuan daripada penutur. *Flippant* pula bermaksud penutur menggunakan kata pikat yang berunsurkan lucu dan dapat menggelikan hati penerima.

Hendon (2012) menyatakan bahawa penggunaan kata pikat merupakan fenomena komunikasi baharu yang dicipta oleh orang yang tidak dikenali. Orang tersebut berusaha untuk berkenalan dengan seseorang yang diinginkan dengan niat untuk memulakan hubungan lebih daripada itu. Menurutnya

komunikasi hanya berkesan apabila kedua-dua penutur dan penerima mempunyai daya tarikan yang dapat menimbulkan minat antara satu sama lain seperti tarikan fizikal dan sosial (Jackson, Kleiner, Geist & Cebulko, 2011). Walau bagaimanapun, daya tarikan itu bergantung pada kelebihan yang dapat dilihat mengikut persepsi tersendiri kedua-dua individu yang terlibat.

Oleh yang demikian, penilaian yang diperoleh daripada responden yang sudah berkahwin atau berjaya menggunakan kata pikat sebagai cara berinteraksi dipertimbangkan dalam kajian ini. Menurut beliau lagi, hal ini penting agar manusia tahu cara untuk memulakan hubungan sosial dengan orang lain. Dengan itu, kajian Hendon (2012) dapat mempengaruhi persepsi penutur dalam memahami strategi interaksi yang lebih sesuai digunakan berdasarkan hasil kajian.

Kajian Hendon (2012) dilakukan dengan menggunakan tinjauan yang dilakukan secara atas talian menggunakan satu daripada empat rakaman video. Hasil kajian Hendon (2012) menunjukkan bahawa kata pikat yang berunsurkan lucu adalah lebih berkesan dan lebih disukai oleh wanita daripada penggunaan kata pikat yang berunsur negatif.

Dengan itu, daripada ketiga-tiga tinjauan literatur yang diterangkan di atas ini, lebih-lebih lagi dengan pendapat sarjana lain yang dikemukakan sebagai sokongan kajian ketiga-tiga sarjana barat yang telah diterangkan menunjukkan kajian mengenai kata pikat ini memang sudah lama dijalankan oleh para pengkaji lepas yang rata-rata dari negara Barat dan hanya meliputi bidang psikologi.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Semakin banyak perkataan baharu yang diperkenalkan selaras dengan arus pemodenan bahasa. Istilah kata pikat ini dikira agak baharu kerana sebelumnya lebih dikenali dan sering disebut dengan *pick-up line*. Buktinya, dengan menggunakan perkataan *pick-up line* dalam ruangan *search* atau “cari” dalam YouTube atau menggunakan simbol tanda pagar (#) dalam Instagram diikuti dengan istilah bahasa Inggeris tersebut sahaja, jelas banyak sekali kata pikat yang boleh dijumpai secara menyeluruh sama ada dari luar negara seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura dan tidak ketinggalan juga di negara Brunei sendiri. Contohnya, data yang digunakan oleh pengkaji sendiri untuk kajian ini. Akan tetapi, belum ada sumber kajian bertulis mengenai kata pikat ditemui di negara Brunei mahupun negara lain yang mempunyai ramai komuniti Melayu seperti



Malaysia, Indonesia dan Singapura setakat ini. Malah, kebanyakannya dari negara Barat yang hanya menumpukan aspek psikologi seperti yang telah dinyatakan sebelumnya.

Bukan itu sahaja, dari segi istilah terdapat juga yang salah faham mengenai kata pikat dan membuat tanggapan bahawa ayat yang sebenarnya hanya merupakan ayat penyata dikira sebagai ayat kata pikat. Sebagai contoh melalui kata pikat yang ditemui dalam sebuah laman blog milik seorang warga Indonesia oleh Shelly FW pada 19 Julai 2015 (sumber: <https://shellyesfladys.wordpress.com/tag/indonesian-pick-up-line/>) iaitu “Aku mau minta maaf nih sama kamu soalnya aku nggak pernah bisa berhenti untuk mencintai kamu.” Dalam Bahasa Melayu, ayat tersebut bermaksud “Saya ingin meminta maaf kepada kamu kerana saya tidak boleh berhenti mencintaimu.” Di sini penulis telah menandakannya sebagai salah satu ayat dalam senarai kata pikat di dalam laman tersebut. Laman blog ini dapat diakses secara terbuka, dan hal ini boleh menimbulkan kekeliruan ataupun salah faham bagi sesiapa sahaja yang memasukinya.

Sehubungan dengan itu, persoalan yang ditimbulkan di sini ialah sejauh mana pendekatan Pateda (2001), iaitu aspek makna itu dapat dilihat dalam ayat kata pikat, dan apakah ciri-ciri yang terdapat dalam ayat kata pikat untuk menentukan aspek makna kata pikat? Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk menyenaraikan, mengenal pasti ciri-ciri yang terdapat dalam ayat kata pikat dan menganalisis aspek makna dalam ayat kata pikat berdasarkan teori Pateda.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat teoretikal dan data. Kajian ini akan memfokuskan makna kata pikat dengan menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Pateda (2001) dalam bukunya yang bertajuk *Semantik Leksikal*, iaitu aspek makna melalui ciri-ciri yang diperoleh dalam kata pikat. Sehubungan dengan itu, kajian ini tertumpu pada makna yang disampaikan oleh penutur melalui kata pikat.

### **Pengumpulan Data**

Data kajian atau kata pikat yang diperoleh adalah daripada rangkaian media sosial, iaitu aplikasi Instagram dan YouTube melalui akaun orang Brunei yang dimuat naik dalam lingkungan tahun 2019 dan 2020. Pengkaji memperoleh sebanyak empat rakaman video, satu daripada Instagram dan tiga daripada YouTube tetapi pengkaji hanya memilih satu sahaja daripada

setiap aplikasi tersebut berdasarkan jumlah pengikut atau langganan yang tertinggi atau cukup banyak dan sesuai dijadikan sebagai data kajian.

## **Kerangka Teori**

Terdapat empat aspek makna yang perlu diperhatikan dalam menentukan makna yang diujarkan oleh penutur untuk mendapatkan komunikasi yang berkesan antara penutur dan penerima seperti yang dinyatakan oleh Pateda (2001):

### **1. Pengertian (*Sense*)**

Pengertian (*sense*) ini juga disebut sebagai tema atau topik utama yang menjadi dasar sesuatu perkara yang dipercakapkan. Tema tersebut mempunyai hubungan dengan akal fikiran penutur. Pengertian ini dapat dicapai apabila terdapatnya keselarasan bahasa antara penutur dan penerima, antara kata dengan perkara, yang diceritakan dalam sesebuah ayat. Dalam erti kata lain, penutur dan penerima sama-sama memahami perkara yang dipercakapkan.

Sebagai contoh, apabila penutur mengatakan “hari ini hujan”, secara langsung pertama sekali yang difahamkan oleh penerima ialah penutur bercakap tentang cuaca pada hari tersebut sebagai tema diikuti situasi yang menghuraikan tema tersebut, iaitu hujan. Oleh itu, jika kedua-duanya, penutur dan penerima mempunyai kesamaan pengertian mengenai satuan-satuan ini, maka penerima memahami perkara yang dimaksudkan oleh penutur.

Kecuali apabila penutur mengujarkan satu kata seperti “rambut” sahaja, kata ini demikian menimbulkan pelbagai pengertian oleh penerima seperti “rambutnya panjang” atau “rambutnya pendek” dan sebagainya. Di sini timbulnya kecelaruan atau kekeliruan untuk memahami makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Oleh itu, tema dan penghuraian berdasarkan tema sebagai subjek bualan itu sangat penting untuk memahami makna yang ingin disampaikan oleh penutur dengan lebih jelas untuk mendapatkan keselarasan bahasa dengan penerima.

### **2. Nilai rasa (*Feeling*)**

Aspek makna ini pula berkait rapat dengan sikap penutur terhadap perkara yang dipercakapkan atau makna yang diujarkan. Sikap

tersebut merangkumi perasaan penutur sama ada disebabkan dorongan mahupun penilaian. Menurut Pateda (2001), setiap kata mempunyai makna yang berhubungan dengan nilai rasa (*feeling*) dan setiap kata mempunyai hubungan makna yang berhubungan dengan perasaan. Ini menunjukkan bahawa dalam kehidupan sehari-hari selamanya kata berhubungan dengan rasa dan perasaan.

Jika seseorang itu berasa marah, kesal, terharu, gembira, dan untuk menggambarkan perkara yang berkaitan dengan aspek perasaan tersebut, penutur menggunakan kata-kata yang sepadan dengannya. Contoh ayat “marilah kita bersenang hati atau meninggalnya teman kita!”, perkataan bersenang hati di sini menunjukkan ketidaksepadanan antara perasaan dengan situasi berkenaan. Sehubungan dengan itu, penutur perlulah menggunakan kata-kata yang mempunyai makna yang sesuai dengan perasaan yang hendak dikemukakan.

### 3. *Nada (Tone)*

Menurut Shipley (Pateda, 2001: 94), aspek makna nada (*tone*) ini dapat dilihat melalui sikap penutur terhadap penerima. Aspek ini juga mempunyai hubungan dengan aspek makna sebelumnya, iaitu nilai rasa.

Hubungan antara penutur dan penerima juga menentukan sikap yang tercermin dalam kata-kata yang digunakan. Misalnya, jika penutur berasa marah maka sikap penutur tersebut kepada penerima akan berbeza dengan perasaan apabila sedang gembira. Nada suara seseorang yang marah juga akan terdengar meninggi. Begitu juga apabila seseorang menginginkan sesuatu maka nada suara yang digunakan adalah dengan cara yang dapat menimbulkan rasa belas kasihan.

Bukan itu sahaja, nada suara turut menentukan makna kata yang digunakan seperti perkataan “pulang.” Jika penutur berkata “pulang!” (tanda seru), kata ini menandakan bahawa penutur kesal bererti menyuruh seseorang itu pulang atau seumpamanya. Jika penutur berkata “pulang?” (pertanyaan), boleh dikatakan kata ini sebagai satu sindiran dari penutur sama ada untuk membawanya pulang dari suatu tempat atau seumpamanya. Disebabkan hal seperti inilah makna kata dapat dilihat daripada nada yang menyertainya.

#### 4. Maksud (*Intention*)

Seperti yang dikatakan oleh Pateda “*his aim, conscious or unconscious, the effect he is endeavouring to promote*” bererti tujuan, baik disedari ataupun tidak, kesan daripada usaha yang dilakukan. Apa-apa sahaja yang diungkapkan oleh penutur sememangnya memiliki tujuan tertentu.

Contohnya, jika penutur berkata “kau penipu!” kepada penerima bermakna penutur bertujuan agar penerima tidak berkelakuan seperti itu lagi dan mengubah perangai yang tidak diinginkan tersebut. Maksud (*intention*) di sini boleh bersifat bermacam-macam seperti deklarasi (pernyataan), imperatif (suruhan), naratif (cerita), pedagogis (pengajaran), persuasi (pujukan), rekreasi (hiburan) atau politik (pengetahuan) dan semua ini mempunyai maksud tertentu.

Contoh yang lainnya, apabila penutur berkata “Hei akan hujan” berkemungkinan bermaksud sama ada penutur memberikan peringatan kepada penerima agar segera pergi, membawa payung, menanggukkan perjalanan dahulu, membangkit kain jemuran, perbaiki atap yang bocor, menyuruh anak agar berhenti bermain di luar atau banyak lagi maksud yang tersirat dalam fikiran atau ungkapan penutur.

Ringkasnya, keempat-empat aspek makna di atas saling berhubungan antara satu sama lain. Apabila seseorang memahami maksud pengertian, maka mereka akan memahami maklumat yang berhubungan dengan tema yang dipercakapkan; beralih kepada nilai rasa pula boleh dilihat daripada sikap penutur dalam usaha menyampaikan sesuatu; manakala nada dapat ditentukan daripada suara dan kata penutur, dan maksud pula merangkumi makna yang ditafsirkan oleh penutur mengenai satu konsep yang dipercakapkan.

#### Data Kajian

Data bagi menjalankan kajian ini diambil daripada rakaman video aplikasi media sosial, iaitu Instagram dan YouTube. Rakaman video ini memberikan kemudahan kepada pengkaji untuk mendengar dengan lebih jelas kata pikat yang dituturkan dan dapat memastikan bahawa orang yang mengujarkan kata pikat itu ialah orang Brunei sendiri. Contoh paling ketara adalah dengan penggunaan Dialek Melayu Brunei.

Melalui aplikasi YouTube, pengkaji telah menjumpai satu akaun yang dimiliki oleh orang Brunei, iaitu *Fastingbro* yang memuat naik rakaman

**Jadual 1** Kata pikat dari rakaman ‘*Bruneian’s weird trick to pick up girls*’.

Bil.	Nama Akaun <i>YouTube: Fastingbro</i> Judul Rakaman: ‘ <i>Bruneian’s weird trick to pick up girls</i> ’
1.	Penutur: “Nama mu siapa kan?” Penerima: “ <i>My name is Hadi.</i> ” Penutur: “Oh Hadi, patut tah macam hadirnya <i>you</i> di dalam hidup <i>me</i> .”
2.	Penutur: “Salah ni patutnya aku duduk di sini ani.” “Inda, patutnya duduk di pelamin bersama <i>you</i> .”
3.	Penutur: “Nama <i>you</i> Maria kah? “Mari aku pinang kau.”
4.	Penutur: “Boleh <i>me selfie</i> sama tapak kaki <i>you</i> kah?” “Pasal <i>me</i> kan meliatkan anak <i>me</i> di mana syurga neraka.”
5.	Penutur: “Puasa ani kan menahan daripada lapar dan dahaga.” “Tapi ada satu yang <i>me</i> inda dapat tahan.” “Inda dapat tahan rindu pada <i>you</i> .”

**Jadual 2** Kata pikat dari rakaman ‘Pick Me Up!!’

Bil.	Nama Akaun <i>Instagram: Battlepromms</i> Judul rakaman: <i>Pick Me Up!!</i>
1.	Penutur: “Tu tali kasut mu inda kancang ah, sini aku ikatkan.” “Jangan dibiasakan tu ah, inda ku mau tali percintaan tani atu putus cematu saja.”
2.	Penutur: “Ambilkan eh <i>menu</i> .” “Ani saja <i>menu</i> yang ada?”
3.	“ <i>Me and you?</i> ” Penutur: “Banyak-banyak emas, emas apa yang begagas?”
4.	“Emas ( <i>I must</i> ) <i>see you tonight.</i> ” Penutur: “Aku ada soalan.” “Apa beza buah sama kau?”
5.	“Buah tumbuh di pokok, kau tumbuh dihatiku.” Penutur: “Cemanakan buat <i>Maths</i> ani?” “Payah eh. Yang ku tau <i>you plus me</i> saja.” “ <i>You plus me equal to us.</i> ”

yang berjudul *Bruneian’s weird trick to pick up girls* pada 1 November 2019 dengan pencapaian sebanyak 30 478 penonton setakat ini. *Akaun* *YouTube* tersebut mempunyai sebanyak 12 100 pelanggan. Sebanyak 12 kata pikat yang diperoleh daripada rakaman itu.

Daripada salah satu akaun Instagram yang dimiliki oleh orang Brunei dengan nama *Battlepromms*, pengkaji telah menemui satu rakaman yang berjudul *Pick Me Up!!* yang di muat naik pada 27 Ogos 2020. Rakaman tersebut berunsur hiburan dan mengandungi kata pikat yang diujarkan oleh beberapa orang belia. Tambahan lagi, rakaman itu juga meraih sebanyak 1105 penonton dan mempunyai sebanyak 12 600 pengikut setakat ini. Dari sini, pengkaji telah memperoleh sebanyak enam kata pikat.

Secara keseluruhan, sebanyak 10 kata pikat, lima daripada Instagram dan lima selebihnya lagi daripada YouTube yang dipetik yang menurut pengkaji lebih menonjol dan akan digunakan untuk menjalankan kajian ini. Senarai kata pikat yang dipetik daripada kedua-dua rangkaian media sosial tersebut seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

## ANALISIS KAJIAN

Kata pikat mempunyai beberapa ciri-ciri tertentu yang dapat membezakannya dengan ayat penyata. Seperti yang dilihat pada Jadual 1 dan 2 dalam bahagian data kajian, rata-rata setiap kata pikat yang ditemui terdiri daripada dua atau tiga baris ayat. Sehubungan dengan itu, jika diperhatikan dalam setiap ayat kata pikat tersebut terdapat beberapa perkataan atau lebih mudah dikenali sebagai kata kunci. Salah satu daripadanya berperanan sebagai topik utama perbualan. Topik utama perbualan yang dimaksudkan di sini dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu nama, objek atau subjek yang merangkumi selain daripada nama dan objek.

Kata kunci ini juga digunakan sebagai kesinambungan untuk membina ayat kedua atau berikutnya. Oleh yang demikian, kata kunci dalam setiap ayat kata pikat memainkan peranan penting untuk mengenal pasti ciri-ciri kata pikat. Selain itu, jika diperhatikan, ayat kedua atau ketiga kata pikat lebih menekankan perasaan seseorang dan ayat itulah merupakan ayat ungkapan perasaan penutur. Kata pikat bersama-sama huraian ciri-ciri diikuti dengan penerapan aspek makna (Pateda, 2001) berdasarkan ciri-ciri tersebut ditemui dalam Jadual 1.1.

Kata pikat dalam Jadual 1.1 ini terdiri daripada tiga baris ayat yang berkesinambungan antara satu sama lain. Kesinambungan itu dapat dirujuk melalui kata kunci pada setiap ayat seperti Jadual 1.1. Kategori yang digunakan oleh penutur sebagai topik utama perbualan ialah nama, iaitu Hadi. Selain itu, ayat ketiga kata pikat itu merupakan ayat ungkapan perasaan yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

**Jadual 1.1** Kata pikat berserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Nama mu siapakan?” (Ayat 1)	• Kata kunci:
Penerima: “ <i>My name is Hadi.</i> ”	Ayat 1 – Nama
(Ayat 2)	Ayat 2 – Hadi
Penutur: “Oh Hadi, patut tah macam hadirnya <i>you</i> di dalam hidup <i>me.</i> ” (Ayat 3)	Ayat 3 – Hadirnya
	Topik utama perbualan: Hadi (Ayat 2)
	• Kategori: Nama
	• Ayat ungkapan perasaan: “Oh Hadi, patut tah macam hadirnya <i>you</i> di dalam hidup <i>me.</i> ” (Ayat 2)

Ciri-ciri yang diperolehi ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti yang berikut:

- (i) **Pengertian:** Penutur memulakan kata pikat ini dengan bertanyakan mengenai nama penerima seperti dalam ayat pertama. Kemudian pertanyaan itu dijawab oleh penerima dengan menyatakan bahawa namanya ialah Hadi, daripada ayat kedua, iaitu “*my name is Hadi.*” Setelah penutur mengetahui nama penerima, timbulnya idea penutur untuk menambah huruf “r” di belakang nama “Hadi” yang secara langsung menggantikan nama tersebut menjadi perkataan lain, iaitu “hadir” kerana mempunyai bunyi yang hampir sama. Kemudian, penutur pun sekali gus membina sebuah ayat menggunakan perkataan tersebut yang menjelaskan tentang kehadiran penerima dalam hidup penutur.
- (ii) **Nilai rasa:** Aspek makna ini menumpukan ayat ketiga kata pikat. Perkataan “hadirnya” dalam ayat tersebut mengungkapkan perasaan penutur yang sangat suka dengan kehadiran penerima dalam hidup penutur.
- (iii) **Nada:** Ayat pertama dan kedua kata pikat ini diujarkan dengan nada percakapan biasa sahaja antara penutur dan penerima dengan

sikap ingin tahu penutur semasa bertanyakan nama penerima diikuti dengan nada gembira penutur semasa mengungkapkan perasaannya tentang kehadiran penerima dalam hidup penutur.

- (iv) Maksud: Penutur sengaja menanyakan soalan dalam ayat pertama untuk menggunakan nama penerima bagi mengungkapkan perasaan penutur terhadap penerima.

**Jadual 1.2** Kata pikat berserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Salah ni patutnya aku duduk di sini ani.” <b>(Ayat 1)</b> “Inda, patutnya duduk di pelamin bersama <i>you</i> .” <b>(Ayat 2)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                              Ayat 1 – 1. Salah                                                2. Duduk di sini                              Ayat 2 – 1. Patutnya                                                2. Duduk di pelamin                              Topik utama perbualan: Duduk (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Subjek (Selain nama dan objek)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Inda, patutnya duduk di pelamin bersama <i>you</i>.” (Ayat 2)</li> </ul>

Kata pikat dalam Jadual 1.2 ini terdiri daripada dua baris, namun berbeza dengan kata kunci dalam Jadual 1.3, kata pikat ini mengandungi dua kata kunci dalam setiap ayat. Walau bagaimanapun, kata kunci tersebut masih menunjukkan kesinambungan antara satu sama lain. Selain itu, topik utama perbualan kata pikat ini dikategorikan sebagai subjek, iaitu mengenai tempat duduk. Ayat ungkapan perasaan bagi kata pikat ini terletak pada ayat kedua iaitu “inda, patutnya duduk di pelamin bersama *you*” yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) Pengertian: Kata pikat ini diujarkan berdasarkan situasi ketika penutur sedang duduk bersebelahan dengan penerima pada



waktu berkenaan. Kemudian, timbulnya idea penutur untuk memanfaatkan situasi tersebut dan mengatakan bahawa ia menduduki di tempat yang salah kerana sepatutnya penutur dan penerima duduk bersama di atas pelamin.

- (ii) Nilai rasa: Aspek makna ini dapat dilihat melalui ayat kedua kata pikat yang menjelaskan perasaan penutur yang berimajinasi untuk duduk di atas pelamin bersama-sama penerima atau berkeinginan untuk mengahwini penerima atau secara tidak langsung menunjukkan perasaan suka penutur terhadap penerima.
- (iii) Nada: Pada awalnya, ayat pertama kata pikat ini disampaikan oleh penutur dengan nada merungut namun kemudian berubah kepada nada teruja pada ayat kedua.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja mengujarkan ayat pertama untuk mengungkapkan maksud sebaliknya bagi menyatakan hasrat penutur terhadap penerima.

Kata pikat dalam Jadual 1.3 ini terdiri daripada dua baris ayat yang saling berkesinambungan antara satu sama lain. Kata kunci yang dinyatakan menunjukkan kesinambungan tersebut. Topik utama perbualan kata pikat ini berasal daripada kata kunci ayat pertama, iaitu Maria yang dikategorikan sebagai nama. Ayat kedua kata pikat, iaitu “mari aku pinang

**Jadual 1.3** Kata pikat berserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Nama <i>you</i> Maria kah?” (Ayat 1) “Mari aku pinang kau.” (Ayat 2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci: Ayat 1 – Maria Ayat 2 – Mari aku</li> <li>• Topik utama perbualan: Maria (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Nama</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Mari aku pinang kau.” (Ayat 2)</li> </ul>

kau” merupakan ayat ungkapan perasaan penutur yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) **Pengertian:** Kata pikat ini dimulakan dengan penutur mengajukan soalan yang memastikan nama penerima ialah Maria. Daripada nama tersebut, timbulnya idea penutur untuk memisahkan nama “Maria” untuk membentuk dua perkataan yang berlainan, iaitu “mari” atas persamaan bunyi daripada nama “Maria” dan “aku” yang berasal daripada gabungan huruf akhir nama “Maria”. Demikian, penutur pun menggunakan dua perkataan sebagai lanjutan bagi membina ayat kedua kata pikat untuk melamar Maria.
- (ii) **Nilai rasa:** Ayat kedua kata pikat ini mempunyai kaitan dengan perasaan penutur yang menjelaskan bahawa penutur berkeinginan untuk mengahwini penerima.
- (iii) **Nada:** Ayat pertama dan kedua kata pikat ini disampaikan dengan nada teruja dan secara terus terang oleh penutur kepada penerima.
- (iv) **Maksud:** Penutur sengaja menanyakan soalan dalam ayat pertama untuk menggunakan nama penerima bagi menyatakan hasrat penutur kepada penerima.

Kata pikat dalam Jadual 1.4 terdiri daripada dua baris ayat. Terdapat sebanyak tiga kata kunci dalam setiap ayat kata pikat tersebut. Setiap tiga kata kunci daripada ayat pertama mempunyai kesinambungan dengan setiap tiga kata kunci dalam ayat kedua. Kategori yang digunakan sebagai topik utama perbualan ialah subjek, iaitu mengenai tapak kaki. Ayat ungkapan perasaan bagi kata pikat ini dapat dilihat melalui ayat kedua kata pikat, iaitu “*pasal me* kan meliatkan anak *me* di mana syurga neraka” yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) **Pengertian:** Menerusi ayat pertama, penutur memulakan kata pikat dengan meminta izin kepada penerima untuk mengambil

**Jadual 1.4** Kata pikat berserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
<p>Penutur: “Boleh <i>me selfie</i> sama tapak kaki <i>you</i> kah?” (Ayat 1)</p> <p>“Pasal <i>me</i> kan meliatkan anak <i>me</i> di mana syurga neraka.” (Ayat 2)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Ayat 1 – 1. <i>Selfie</i></li> <li>2. Tapak kaki</li> <li>3. <i>You</i></li> </ul> </li> <li>Ayat 2 – 1. Meliatkan (Melihatkan)</li> <li>2. Anak <i>me</i></li> <li>3. Syurga neraka</li> <li>• Topik utama perbualan: Tapak kaki (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Subjek (Selain nama dan objek)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Pasal <i>me</i> kan meliatkan anak <i>me</i> di mana syurga neraka.” (Ayat 2)</li> </ul>

gambar atau *selfie* bersama-sama dengan tapak kaki penerima. Kemudian, penutur melanjutkan dengan mengatakan bahawa penutur ingin melihatkan gambar tersebut kepada anak penutur untuk memberitahu di mana letaknya syurga dan neraka. Walau bagaimanapun, ayat ini sememangnya tidak munasabah pada fikiran pembaca lebih-lebih lagi apabila seseorang secara tiba-tiba bertanya soalan seperti itu.

Perkataan *selfie* dalam ayat pertama bersifat melihatkan sesuatu gambar yang tidak dinafikan merujuk perkataan “meliatkan” (melihatkan) dalam ayat kedua. Begitu juga dengan perkataan “tapak kaki” dalam ayat pertama yang dihubungkan dengan perkataan “syurga neraka” dalam ayat kedua. Perkataan “*you*” dalam ayat pertama pula disinambungkan dengan perkataan “anak *me*” dalam ayat kedua oleh penutur. Oleh yang demikian, bagi memahami kata pikat ini perlu dilihat berdasarkan perkataan “tapak kaki” yang dihubungkan dengan “syurga neraka” terlebih dahulu.

Bak kata pepatah “syurga di bawah kaki ibu” dapat dibuktikan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Muawiyah bin Jahimah as-Sulami r.a. datang kepada Nabi SAW dan berkata: Wahai Rasulullah! Aku berkehendak pergi ke medan perang dan sesungguhnya datang aku untuk mendapatkan pandangan tuan. Rasulullah kemudiannya bersabda: Adakah kamu masih mempunyai ibu?” Jawab Muawiyah bin Jahimah As-Sulami r.a.: Ya. Maka Rasulullah bersabda: Maka kamu berkhidmatlah untuknya dan berbuat baik kepadanya maka sesungguhnya syurga itu di bawah kedua kakinya.

Walau bagaimanapun, penutur ada menyebutkan neraka. Berkemungkinan penutur hanya memberikan idea logik secara umum yang berkaitan dengan ujaran penutur sahaja. Contohnya, jika seseorang anak itu berbakti kepada ibunya maka jaminannya ialah syurga dan sebaliknya jika derhaka maka balasannya ialah neraka. Oleh itu, penutur mengumpamakan perkataan “tapak kaki” ini dengan “syurga neraka” yang secara tidak langsung merujuk darjat seorang ibu yang ditujukan kepada penerima.

- (ii) Nilai rasa: Aspek makna ini dapat dilihat melalui ayat kedua kata pikat. Ayat tersebut menjelaskan perasaan penutur yang ingin menjadikan penerima sebagai isterinya agar dapat membimbing anak mereka ke arah jalan kebaikan.
- (iii) Nada: Ayat pertama kata pikat ini diujarkan oleh penutur dengan nada bergurau diikuti dengan nada tersipu malu semasa mengungkapkan ayat kedua.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja mengujarkan ayat pertama walaupun tidak masuk akal kerana hanya ingin menggunakan idea daripada pepatah “syurga di bawah tapak kaki ibu” bagi menyatakan hasrat penutur kepada penerima.

Kata pikat dalam Jadual 1.5 ini terdiri daripada tiga baris ayat. Namun begitu, jumlah kata kunci dalam setiap ayat kata pikat ini adalah tidak seimbang dan berlainan daripada kata pikat sebelumnya, iaitu ayat pertama mengandungi tiga kata kunci, ayat kedua mengandungi dua kata kunci dan ayat ketiga mengandungi satu kata kunci. Namun begitu, tetap saling berkesinambungan antara satu sama lain. Topik utama perbualan yang digunakan oleh penutur berkenaan dengan puasa yang dikategorikan sebagai subjek. Ayat ungkapan perasaan bagi kata pikat ini berbunyi “inda

**Jadual 1.5** Kata pikat berserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
<p>Penutur: “Puasa ani kan menahan daripada lapar dan dahaga.” <b>(Ayat 1)</b>                      “Tapi ada satu yang <i>me</i> inda dapat tahan.” <b>(Ayat 2)</b>                      “Inda dapat tahan rindu pada <i>you</i>.” <b>(Ayat 3)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                          Ayat 1 – 1. Puasa                          2. Menahan                          3. Lapar dan dahaga</li> <li>Ayat 2 – 1. Satu                          2. Inda dapat Tahan</li> <li>Ayat 3 – 1. Rindu pada <i>you</i></li> <li>• Topik utama perbualan: Puasa (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Subjek (Selain nama dan objek)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Inda dapat tahan rindu pada <i>you</i>.” (Ayat 3)</li> </ul>

dapat tahan rindu pada *you*” dalam ayat ketiga yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) **Pengertian:** Kata pikat ini didahulukan dengan penutur memberikan pengertian puasa secara ringkas kepada penerima, iaitu menahan lapar dan dahaga. Penutur kemudiannya mengambil idea “menahan” daripada pengertian tersebut untuk melanjutkan ayat kata pikat dan mengatakan bahawa terdapat satu perkara yang penutur tidak dapat menahan diri daripada selain puasa. Setelah itu penutur pun mengungkapkan perasaan penutur, iaitu penutur tidak dapat menanggung rindu terhadap penerima.
- (ii) **Nilai rasa:** Aspek makna ini dapat dilihat melalui ayat ketiga kata pikat yang menekankan perasaan penutur yang merindui penerima.

- (iii) Nada: Keseluruhan ayat kata pikat ini disampaikan dengan nada bergaurau oleh penutur kepada penerima.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja membuka topik mengenai puasa untuk menggunakan sifat puasa bagi mengungkapkan perasaan penutur terhadap penerima.

Kata pikat dalam Jadual 2.1 pula ini terdiri daripada dua baris ayat kesemuanya, dengan beberapa kata kunci yang saling berkesinambungan antara satu sama lain. Topik utama perbualan yang digunakan dalam kata pikat ini ialah tali kasut yang dikategorikan sebagai objek. Ayat ungkapan perasaan bagi kata pikat ini dapat dilihat dalam ayat kedua, iaitu “jangan dibiasakan tu ah, inda ku mau tali percintaan tani atu putus cematu saja” yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) Pengertian: Penutur memulakan kata pikat ini dengan menegur tali kasut penerima yang tidak diikat dengan kencang dan sepertinya tidak mempedulikannya walaupun hampir terlepas. Pada masa yang sama, timbulnya idea penutur untuk menggunakan situasi berkenaan dengan mengumpamakan “tali kasut” dengan “tali

**Jadual 2.1** Kata pikat berserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Tu tali kasut mu inda kancang ah, sini aku ikatkan.” <b>(Ayat 1)</b>  “Jangan dibiasakan tu ah, inda ku mau tali percintaan tani atu putus cematu saja.” <b>(Ayat 2)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci: Ayat 1 – 1. Tali kasut 2. Inda kancang (kancang)</li> <li>Ayat 2 – 1. Tali percintaan 2. Putus</li> <li>Topik utama perbualan: Tali kasut (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Objek</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Jangan dibiasakan tu ah, inda ku mau tali percintaan tani atu putus cematu saja.” (Ayat 2)</li> </ul>

percintaan” penutur dan penerima kerana kedua-dua perkataan tersebut mempunyai sifat yang berkait rapat dengan sesuatu ikatan. Daripada perumpamaan tersebut, penutur pun membina ayat dengan memberikan nasihat kepada penerima untuk tidak membiasakan perkara itu berlaku kerana penutur tidak mahu tali percintaan mereka itu terputus atau terlerai begitu sahaja seperti tali kasut tersebut.

- (ii) Nilai rasa: Aspek makna ini dapat dilihat melalui ayat pertama “sini aku ikatkan” yang saling berhubung kait dengan ayat kedua kata pikat iaitu “jangan dibiasakan tu ah, in da ku mau tali percintaan tani atu putus cematu saja” yang menjelaskan bahawa penutur ingin menjaga hubungan percintaan mereka dengan erat dan sentiasa mengambil berat antara satu sama lain.
- (iii) Nada: Kata pikat ini disampaikan dengan nada bergurau kerana ia diujarkan mengikut situasi penutur dan penerima pada waktu itu.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja menggunakan situasi berkenaan untuk mengungkapkan isi hati penutur terhadap penerima.

**Jadual 2.2** Kata pikat beserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Ambilkan eh <i>menu</i> .” <b>(Ayat 1)</b> “Ani saja <i>menu</i> yang ada?” <b>(Ayat 2)</b> “ <i>Me and you?</i> ” <b>(Ayat 3)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                              Ayat 1 – <i>Menu</i>                              Ayat 2 – 1. Ani (ini) saja                                        2. Ada                              Ayat 3 – <i>Me and(n) you?</i></li> <li>• Topik utama perbualan:  <i>Menu</i> (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Objek                              (Pembinaan perkataan lain daripada perkataan sama kerana bunyi yang sama)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan:                              “<i>Me and you?</i>” (Ayat 2)</li> </ul>

Terdapat tiga baris ayat dalam kata pikat ini diikuti dengan kata kunci setiap satu daripadanya seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.2. Topik utama perbualan ini dikategorikan sebagai objek, iaitu *menu*. Ayat ungkapan perasaan bagi kata pikat ini merupakan ayat ketiga iaitu “*me and you?*” yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) **Pengertian:** Dalam kata pikat ini, penutur meminta tolong daripada penerima untuk mengambilkan senarai makanan yang dihidangkan di tempat penutur dan penerima berada pada waktu berkenaan. Setelah itu, penutur bertanya kepada penerima jika terdapat senarai makanan yang lain selain daripada yang diberikan. Penutur melanjutkan percakapan tersebut dengan menanyakan “*me and you?*” atau “bagaimana kalau saya dengan kamu?”. Perkataan “*me and you*” ini sebenarnya berasal dari idea penutur yang memetik setiap perkataan tersebut daripada perkataan *menu* kerana mempunyai bunyi yang hampir sama, iaitu *me* diambil daripada awal kata *menu*, *and* atau singkatnya “n” diambil dari huruf tengah kata *menu* dan *you* atau singkatnya “u” diambil dari huruf akhir kata *menu*.
- (ii) **Nilai rasa:** Ayat ketiga kata pikat mengaitkan hubungan antara penutur dan penerima dan seolah-olah penutur secara tidak langsung menunjukkan perasaan minat penutur untuk menjalin hubungan atau janji temu dengan penerima.
- (iii) **Nada:** Ayat pertama dan kedua kata pikat ini disampaikan dengan nada percakapan biasa sahaja diikuti dengan nada bergurau untuk mengusik penerima pada ayat ketiga.
- (iv) **Maksud:** Penutur sengaja menggunakan objek dalam situasi berkenaan untuk mengajukan pertanyaan yang berikutnya kepada penerima.

Kata pikat dalam Jadual 2.3 pula mengandungi dua baris ayat di dalamnya yang saling berkesinambungan antara satu sama lain. Kata kunci bagi setiap ayat kata pikat ini lebih menguatkan kesinambungan tersebut. Topik utama perbualan kata pikat ini ialah emas yang dikategorikan sebagai objek. Ayat ungkapan perasaan merupakan ayat kedua kata pikat



**Jadual 2.3** Kata pikat beserta ciri-cirinya

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Banyak-banyak emas, emas apa yang begagas?” (Ayat 1) “Emas ( <i>I must</i> ) see you tonight.” (Ayat 2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                          Ayat 1 – 1. Emas                          2. Begagas                          Ayat 2 – 1. Emas (<i>I must</i>)                          2. See you tonight</li> <li>• Topik utama perbualan: Emas (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Objek (Pembinaan perkataan lain daripada perkataan sama kerana bunyi yang sama)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Emas (<i>I must</i>) see you tonight.” (Ayat 2)</li> </ul>

ini, iaitu “emas (*I must*) see you tonight” yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti yang berikut:

- (i) Pengertian: Kata pikat ini dimulakan dengan penutur mengajukan soalan tentang emas apa yang *begagas* antara kebanyakan emas yang ada. Perkataan *begagas* (Bahasa Melayu Brunei) di sini ialah bergegas (Bahasa Melayu Standard) yang membawa maksud tidak sabar untuk pergi ke suatu tempat. Jika hendak difahami, soalan tersebut tidak dapat diterima oleh akal fikiran pendengar kerana mengikut fakta, emas merupakan benda yang tidak bernyawa dan tidak boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat dengan sendirinya. Walau bagaimanapun perkataan “emas” ini timbul daripada perkataan “*I must*” yang mempunyai persamaan bunyi antara keduanya. Oleh itu, timbulnya idea penutur untuk mengujarkan soalan rawak tersebut untuk mengungkapkan perasaannya, iaitu “Emas (*I must*) see you tonight” yang bermaksud penutur perlu berjumpa dengan penerima pada malam itu.

- (ii) Nilai rasa: Aspek makna ini tertumpu pada ayat kedua kata pikat iaitu yang menyatakan bahawa penutur tidak dapat menahan sabar untuk berjumpa dengan penerima pada malam itu juga.
- (iii) Nada: Kata pikat ini disampaikan dengan nada yang teruja kepada penerima.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja mengujarkan soalan tersebut untuk mengungkapkan perasaannya terhadap penerima.

Kata pikat dalam Jadual 2.4 mengandungi tiga baris ayat dengan kata kunci yang saling berkesinambungan walaupun jumlah kata kuncinya tidak seimbang. Kategori bagi kata pikat ini ialah subjek, iaitu tentang buah yang dijadikan sebagai topik utama perbualan. Ayat ketiga kata pikat, iaitu “buah tumbuh di pokok, kau tumbuh di hati ku” merupakan ungkapan perasaan penutur yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah ini:

- (i) Pengertian: Sama seperti kata pikat sebelumnya, kata pikat ini dimulakan dengan soalan rawak penutur mengenai perbezaan penerima dengan buah. Penutur kemudiannya menyatakan

**Jadual 2.4** Kata pikat beserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Aku ada soalan.” <b>(Ayat 1)</b> “Apa beza buah sama kau?” <b>(Ayat 2)</b> “Buah tumbuh di pokok, kau tumbuh di hati ku.” <b>(Ayat 3)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                          Ayat 1 – 1. Soalan                          Ayat 2 – 1. Beza                          2. Buah                          3. Kau                          Ayat 3 – 1. Pokok                          2. Di hati ku</li> <li>• Topik utama perbualan: Buah (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Subjek (Selain nama dan objek)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan: “Buah tumbuh di pokok, kau tumbuh dihatiku.” (Ayat 3)</li> </ul>

perbezaan kedua-duanya, iaitu buah tumbuh daripada pokok, manakala penerima tumbuh di hati penutur. Jika diteliti, penutur menggunakan perkataan “buah” kerana kedua-dua “buah” dan “kau” berkait rapat dengan perkataan yang bersifat tumbuh. Bagi penutur “kau tumbuh di hati ku” mempunyai hubungan dengan perasaan penutur terhadap penerima, dan seperti yang sudah diketahui buah berasal dan terhasil daripada pokok. Dari sini lah penutur mengambil idea untuk mengujarkan soalan tersebut diikuti dengan ungkapan perasaannya.

- (ii) Nilai rasa: Aspek makna ini berfokus pada ayat ketiga kata pikat. Untuk menjelaskan tentang perasaan yang tumbuh di hati penutur di sini, penutur melahirkan perasaan cinta terhadap penerima.
- (iii) Nada: Ayat pertama dan kedua kata pikat disampaikan dengan nada bergurau penutur melalui teka-teki yang dimainkan oleh penutur kepada penerima diikuti dengan nada gembira semasa mengungkapkan perasaan penutur dalam ayat ketiga.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja mengujarkan soalan teka-teki tersebut untuk mengungkapkan perasaannya kepada penerima.

Kata pikat yang terakhir seperti dalam Jadual 2.5 ini mengandungi tiga baris ayat. Setiap kata kunci yang dinyatakan daripada ayat pertama sehingga ayat ketiga ini saling berkesinambungan. Seterusnya, topik utama perbualan ini adalah tentang *Maths* atau Matematik yang dikategorikan sebagai subjek. Ayat ketiga kata pikat ini merupakan ayat ungkapan perasaan kerana lebih menonjolkan perasaan penutur terhadap penerima, iaitu “*you plus me equal to us*” yang dibina berdasarkan topik utama perbualan.

Ciri-ciri yang diperoleh ini dapat diselaraskan dengan empat aspek makna yang dikemukakan oleh Pateda (2001) seperti di bawah:

- (i) Pengertian: Kata pikat ini diujarkan berdasarkan situasi ketika penutur dan penerima mengerjakan soalan matematik bersama-sama. Dalam ayat pertama kata pikat ini, penutur seolah-olah mengeluh seperti menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan soalan mata pelajaran matematik tersebut. Seperti yang diketahui, untuk menyelesaikan sesuatu soalan matematik semestinya memerlukan rumus tertentu contohnya tolak (-), campur (+), darab

**Jadual 2.5** Kata pikat beserta ciri-cirinya.

Kata Pikat	Ciri-Ciri
Penutur: “Cemanakan buat <i>Maths</i> ani, payah eh.” (Ayat 1) “Yang ku tau <i>you plus me</i> saja.” (Ayat 2) “ <i>You plus me equal to us</i> .” (Ayat 3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata kunci:                          Ayat 1 – 1. <i>Maths</i>                          2. Payah</li> <li>Ayat 2 – 1. Tau                          2. <i>you plus me</i></li> <li>Ayat 3 – 1. <i>Equal to us</i></li> <li>• Topik utama perbualan: <i>Maths</i>                          (Ayat 1)</li> <li>• Kategori: Subjek (Selain nama dan objek)</li> <li>• Ayat ungkapan perasaan:                          “Yang ku tau <i>you plus me</i> saja.” (Ayat 2)</li> </ul>

(x) dan lain-lain. Lalu penutur dengan spontan menggunakan idea “payah” atau sukar menyelesaikan subjek matematik tersebut dengan menyatakan penutur hanya mengetahui kononnya rumus “*you plus me*” sahaja atau erti kata lain “awak campur saya” diikuti dengan “*you plus me equal to us*” yang membawa maksud “awak campur saya menjadi kita berdua.” Rumus di sini terbukti merujuk perkataan *plus* atau campur pada ayat tersebut.

- (ii) Nilai rasa: Daripada ayat ketiga kata pikat menjelaskan perasaan penutur yang ingin memberikan petanda mengenai perasaan sukanya atau ingin menjalinkan hubungan atau janji temu dengan penerima.
- (iii) Nada: Kata pikat ini disampaikan dengan nada bergurau kerana penutur berpura-pura pada awal kata pikat diikuti dengan nada gembira semasa menyatakan ayat ungkapan perasaan.
- (iv) Maksud: Penutur sengaja berpura-pura pada waktu itu untuk mengungkapkannya kepada penerima.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis kajian ini telah diterangkan beberapa ciri yang dapat menjelaskan sesuatu ayat itu dilihat sebagai kata pikat. Mengikut penelitian pengkaji, ayat permulaan kata pikat dalam kajian ini kebanyakannya dituturkan bergantung pada situasi tertentu. Kata pikat boleh berupa ujaran penerima contohnya kata pikat dalam Jadual 1.1, melalui apa-apa sahaja yang timbul dalam fikiran penutur contohnya kata pikat dalam Jadual 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 2.3 dan 2.4 atau menggunakan apa-apa sahaja yang tertangkap oleh mata di sekeliling penutur. Contohnya kata pikat dalam Jadual 2.1, 2.2 dan 2.5 muncul. Pada dasarnya, sesuai dengan konsep kata pikat ini lebih-lebih lagi perkataan “pikat” daripada nama “kata pikat” itu sendiri membawa maksud untuk menarik perhatian seseorang. Konsep tersebut jelas dapat dilihat melalui ayat yang dicipta oleh penutur.

Dalam ayat kata pikat di sini, penutur tidak mengungkapkan perasaannya secara langsung, malah hampir kesemuanya dimulakan dengan topik yang rawak. Topik tersebut tidak berupa sesuatu yang dijangkakan bahkan tidak masuk akal dalam fikiran penerima kerana penutur hanya menggunakan idea daripada topik tersebut mengikut kehendak penutur untuk membina ayat berikutnya atau ayat yang berbentuk ungkapan perasaan. Mungkin inilah daya tarikan yang dimaksudkan oleh Murray (1985) yang digunakan oleh penutur ketika berkomunikasi untuk menarik perhatian penerima. Menyentuh tentang ungkapan perasaan pula, yang dinyatakan oleh Cunningham & Barbee (2008), kata pikat digunakan untuk mengungkapkan perasaan minat seseorang kepada seseorang yang dikehendaknya. Setiap kata pikat itu semestinya mempunyai ayat ungkapan perasaan dan ini menunjukkan kata pikat sememangnya berkaitan dengan perasaan seseorang seperti yang dilihat dalam ayat-ayat yang dipaparkan dalam artikel ini. Malahan ayat ungkapan perasaan ini juga penting untuk memahami apa-apa yang dirasakan oleh penutur.

Walau bagaimanapun, mengikut pemerhatian pengkaji dalam memperoleh data kajian, kata pikat ini tidak semestinya digunakan oleh kaum lelaki sahaja. Terdapat juga kaum perempuan yang menggunakannya. Hal ini berlainan dengan pendapat Murray (1985) yang menekankan kata pikat sebagai kalimat yang dilontarkan oleh seorang lelaki kepada seorang wanita dalam sesuatu perbualan. Contohnya, dalam rangkaian media sosial, iaitu YouTube yang dimiliki orang Brunei dengan akaun bernama NostrilsProduction di bawah tajuk rakaman ‘Pick-up Line Melayu | The Nostrils Production’ yang dimuat naik pada 2 November 2015 (sumber:

<https://www.youtube.com/watch?v=-CNLA9J70Lo>) yang menunjukkan seorang wanita juga mengujarkan kata pikat kepada seorang lelaki. Namun begitu, pengkaji mempunyai pendapat yang sama dengan Senko dan Fyffe (2010) yang mengatakan lazimnya kaum perempuan yang biasanya dijadikan sasaran utama untuk menerima ungkapan kata pikat daripada kaum lelaki, berdasarkan pelbagai sumber kata pikat termasuk data kajian ini.

Selanjutnya, ayat kata pikat menunjukkan kreativiti pemikiran penutur yang menjadikan hasil keseluruhan ayat itu logik dan dapat diterima oleh akal fikiran penerima. Kata pikat ini perlu dilihat secara keseluruhan dan tidak berfokus kepada satu baris ayat daripadanya sahaja untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Melalui contoh ayat kata pikat yang ditunjukkan dalam analisis kajian ini menampakkan perbezaan dengan contoh ayat penyata dalam permasalahan kajian. Bukan itu sahaja, kata kunci yang saling berhubungan dalam setiap ayat kata pikat dapat membantu memberikan pemahaman lebih jelas tentang makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Merujuk setiap jadual kata pikat, jumlah kata kunci setiap ayat bagi setiap kata pikat itu tidak konsisten misalnya kata pikat pertama mempunyai satu kata kunci setiap ayat, kata pikat kedua mempunyai kata kunci setiap ayat, kata pikat ketiga pula mempunyai berlainan jumlah kata kunci setiap ayat. Namun begitu, apabila diteliti tetap saling berkesinambungan antara satu sama lain. Bagi pengkaji, kreativiti tersebut yang menunjukkan strategi seorang penutur untuk memulakan komunikasi dan dikira sebagai usaha yang dilakukan terhadap pendengar seperti pengertian kata pikat yang diberikan oleh Hendon (2012) untuk menjalinkan sesuatu hubungan.

Dalam analisis kajian juga telah disenaraikan tiga kategori topik utama perbualan. Setiap kategori tersebut digunakan oleh penutur secara berlainan. Pengkaji menjumpai dua cara penggunaan bagi kategori nama, iaitu dengan menggabungkan perkataan contohnya daripada nama "Hadi" menjadi "hadirnya", pemisahan perkataan contohnya daripada nama "Maria" menjadi "mari aku". Bagi kategori objek pula, pengkaji telah mendapati penutur menggunakan perumpamaan contohnya penutur mengumpamakan "tali kasut" dengan "tali percintaan" kerana keduanya mempunyai satu sifat, iaitu ikatan. Selain itu penggunaan perkataan lain yang mempunyai bunyi yang hampir sama dengan perkataan awalnya sebagai contoh "menu" menjadi "*me and you*" atau "saya dan awak" dan "emas" menjadi "*I must*" atau "saya mesti". Seterusnya bagi kategori subjek pula, penutur menggunakan situasi atau tempat penutur

dan penerima berada pada waktu itu juga contohnya ketika duduk di suatu tempat, fakta atau pengetahuan asas contohnya pepatah melalui hadis Rasulullah SAW contohnya “syurga di bawah tapak kaki ibu”, pengertian puasa serta rumus matematik, iaitu *plus* atau “campur” dan *equal* atau “sama dengan” dan sifat sesuatu perkara contohnya buah, iaitu “tumbuh”. Contoh-contoh ini memperlihatkan pelbagai kata yang digunakan oleh penutur dalam membina ayat kata pikat yang menjadikannya menarik untuk didengar selaras dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (2017) juga menekankan kata pikat itu menggunakan kata-kata lucu dan romantik.

Lain daripada itu, jika dilihat melalui kata pikat dalam kajian ini, terdapat kata pikat yang diujarkan menggunakan Dialek Melayu Brunei walaupun terdapat percampuran bahasa Inggeris. Contoh dialek Melayu Brunei yang digunakan, kata “begagas”, iaitu “bergegas” dalam Bahasa Melayu Standard (BMS), “meliatkan”, iaitu “melihatkan” (BMS), “inda”, iaitu “tidak” (BMS), “mau”, iaitu “mahu” (BMS) dan lain lain. Dialek yang digunakan ini menunjukkan bahawa kata pikat ini diujarkan oleh orang Brunei. Selain itu, setelah diteliti terdapat dua jenis kata pikat yang diujarkan dengan secara langsung dan secara tidak langsung hampir sama seperti kata pikat yang dikaji oleh Senko dan Fyffe (2010). Contoh bagi kata pikat yang diujarkan dengan secara langsung ialah kata pikat dalam Jadual 1.2, 1.3, 1.5 dan 2.3 dan terakhir sekali kata pikat secara tidak langsung, iaitu kata pikat dalam Jadual 1.1, 1.4, 2.1, 2.2, 2.4 dan 2.5 dari segi pengertian yang disampaikan oleh penutur.

## KESIMPULAN

Kajian ini dapat mengenal pasti ciri-ciri kata pikat dan berhasil menyelaraskan ciri-ciri tersebut dengan keempat-empat aspek makna mengikut pendekatan teori Pateda (2011) iaitu aspek makna pengertian (*sense*), nilai rasa (*feeling*), nada (*tone*) dan maksud (*intention*). Selanjutnya, aspek makna pengertian dalam kajian ini memberikan huraian makna tentang ayat kata pikat itu secara terperinci. Aspek makna nilai rasa tertumpu pada kata-kata yang berkaitan dengan perasaan penutur. Aspek makna seterusnya, iaitu nada menjurus kepada cara penyampaian penutur, iaitu intonasi dalam ujaran serta sikap penutur terhadap penerima dalam kata pikat. Terakhir sekali, iaitu aspek makna maksud pula menjelaskan sasaran yang hendak dicapai oleh penutur melalui kata pikat tersebut. Dalam kajian ini juga, tidak dinafikan kata

pikat itu sebenarnya berdasarkan fikiran logik manusia sahaja. Secara tidak langsung didapati bahawa wujudnya kekreatifan bahasa berdasarkan ayat kata pikat yang digubal oleh penutur sama ada dari segi susunan, penggunaan kata-kata di awal dan di akhir ayat, sifat sesuatu perkataan yang membawa makna-makna tertentu dan dapat diterima serta difahami. Kata pikat ini juga boleh dikatakan sesuatu yang masih *trending* hingga sekarang kerana dapat dijumpai di rangkaian media sosial di dalam dan luar negara. Dengan adanya kajian ini juga dapat memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai fenomena bahasa, iaitu kata pikat yang digunakan oleh orang Brunei khususnya yang dimuat naik dalam media sosial. Oleh itu, memandangkan kajian ini hanya menyentuh tentang makna kata pikat, dicadangkan kajian mengenai kata pikat diperluas berkaitan dengan bahasa seperti persepsi penerima tentang makna kata pikat serta kesan kata pikat terhadap mereka untuk pengkaji seterusnya. Secara keseluruhan, kebanyakan kata pikat yang digunakan oleh orang Melayu Brunei hanya sebagai hiburan dan berjenaka dengan tujuan “memikat”.

## RUJUKAN

- Buss, D. M., & Schmitt, D. (1993). Sexual strategies theory: An evolutionary perspective on human mating. *Psychological Review*, 100, 204-232.
- Chaer, A. (1989). *Pengantar semantik bahasa Indonesia*. Jakarta.
- Cunningham, M. R., & Barbee, A. P. (2008). Prelude to a kiss: Nonverbal flirting, opening gambits, and other communication dynamics in the initiation of romantic relationships. In S. Sprecher, A. Wentzel, & J. Harvey (Eds.), *Handbook of relationship initiation* (pp. 97-120). Psychology Press.
- Cunningham, M.R. (1989). Reactions to heterosexual gambits: Female selectivity and male responsiveness. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 15, 27-41.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2017). *Peka bahasa – Istilah semasa*. Paparan 23-27 Oktober 2017. Jawatankuasa Istilah Semasa. Kuala Lumpur. Diakses daripada <https://toodia.my/2017/10/13/dewan-bahasa-dan-pustaka-memperkenalkan-perkataan-baru/>
- Dictionary.com. (n.d). *Slang Dictionary: Pickup line*. Diakses daripada <https://www.dictionary.com/e/slang/pickup-line/capaian> 2020.
- Gass, R. H. & Seiter, J. S. (1999). *Persuasion, social influence, and compliance gaining*. Boston: Allyn & Bacon.



- Graham, Jefferson. (2005). Video websites pop up, invite postings. *USA Today*. Diakses daripada [http://usatoday30.usatoday.com/tech/news/techinnovations/2005-11-21-video-websites\\_x.htm](http://usatoday30.usatoday.com/tech/news/techinnovations/2005-11-21-video-websites_x.htm)
- Harimurti Kridalaksana. (2001). *Kamus linguistik*. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hendon, Adrienne Leigh. (2012). Pick-up lines: To use a neg or a flippant? *Electronic Theses and Dissertations*. Paper 1446.
- Hootsuite & We Are Social (2020). *Global social media overview*. Diakses daripada <https://datareportal.com/social-media-users>
- Hopkins, Jim. (2006). Surprise! There's a third YouTube co-founder. *USA Today*. Diakses daripada [https://usatoday30.usatoday.com/tech/news/2006-10-11-youtube-karim\\_x.htm](https://usatoday30.usatoday.com/tech/news/2006-10-11-youtube-karim_x.htm)
- Jackson, P., Kleiner, S., Geist, C., & Cebulko, K. (2011). Conventions of courtship. Gender and race differences in the significance of dating rituals. *Journal of Family Issues*, 32, 629-652.
- Kaplan, Andreas, M. & Haenlajn, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizon*, 53(1), 59-68.
- Kleinke, C. L. & Dean, G. O. (1990). Evaluation of men and women receiving positive and negative responses with various acquaintance strategies. *Journal of Social Behavior and Personality*, 5, 369-377.
- Kleinke, C. L., Meeker, F. B., Staneski, R. A. (1986). Preference for opening lines: Comparing ratings by men and women. *Sex Roles*, 15, 585-599.
- Lindsay, J. (2018). What is negging? Metro, Uk. Diakses daripada <https://metro.co.uk/2018/03/22/what-is-negging-7407664/>
- Muhamad Naim. (n.d.). *Hadis syurga di bawah tapak kaki ibu – Adakah sahah? oleh Ustaz Azhar Idrus*. Diakses daripada <https://akuislam.com/fekah/syurga-bawah-kaki-ibu/>
- Murray, T. (1985), The language of singles bars. *American Speech*, 60, 17-30.
- Pateda, M. (2001). *Semantik leksikal*. Rineka Cipta.
- Selongkar10. (2016). 21 koleksi pick up line terbaik untuk mengorat dari Pickupline Nenek..!!!!. Diakses daripada <https://selongkar10.blogspot.com/2016/05/21-koleksi-pick-up-line-terbaik-untuk.html?m=1>
- Senko, Corwin & Fyffe, Viviana. (2010). An evolutionary perspective on effective vs. ineffective pick-up lines'. *The Journal of Social Psychology*, 150(6), 648-667.
- Shelly F. W. (2015). Indonesian Pick Up Line. Diakses daripada <https://shellyesfladys.wordpress.com/tag/indonesian-pick-up-line/>
- Siti, Hajar H. Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tarigan, H. G. (1985). *Pengajaran semantik*. Bandung: Angkasa.

- Weber, Keith, Goodboy, Alan K. and Cayanus, Jacob L. (2010). Flirting competence: An experimental study on appropriate and effective opening lines. *Communication Research Reports*, 27(2), 184-191.
- Yuni Fitriani. (2017). *Analisis pemanfaatan berbagai media sosial sebagai sarana penyebaran informasi bagi masyarakat*. LPPM Universitas Bina Sarana Informatika.